

# Warga asing masuk secara haram dipenjara dan disebat

**MIRI:** Seorang lelaki warga asing dijatuhi hukuman penjara empat bulan dan sekali sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam setelah mengaku bersalah masuk ke negara ini secara haram.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran setelah selesai menjalani hukuman penjara kelak

Saramin dari Desa Pasiran, Singkawang Barat, Indonesia telah didakwa mengikut Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan dihukum di bawah Seksyen 6 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali serta boleh disebat sehingga enam kali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan, tertuduh telah ditahan sekitar jam 6.35 petang, 6 Oktober lalu untuk tujuan pemeriksaan kerana dipercayai warga asing.

Hasil pemeriksaan mendapati tertuduh yang merupakan warga negara Indonesia gagal mengemukakan sebarang dokumen perjalanan sah yang membenarkannya masuk dan tinggal di negara ini.

Berikutan itu, tertuduh telah ditangkap dan dibawa ke balai polis untuk tindakan lanjut.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu hukuman ringan memandangkan ini adalah kesalahan pertama mereka.

Pendakwaan dikendalikan pegawai pendakwa ASP Koay Kok Ping di hadapan Hakim Azreena Aziz, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.